



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Galakan Pelaburan 1969
DR.22/1969

RANG UNDANG²*bernama*

Suatu Act bagi meminda Act Galakan Pelaboran, 1968.

[]

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, saperti berikut:

1. Act ini boleh-lah di-namakan Act (Pindaan) Galakan Pelaboran, 1969 dan hendak-lah di-sifatkan sa-bagai ber-kuatkuasa bagi tahun taksiran 1968 dan bagi tahun² taksiran yang kemudian-nya.

Tajok
ringkas dan
kuatkuasa.

2. Sekshen 15 Act Galakan Pelaboran, 1968 ada-lah dengan ini di-pinda dengan menambah sekshen-kecil "(1)" sa-lepas sekshen 15 dan menambah suatu sekshen-kecil baharu "(2)" saperti berikut—

Pindaan
sekshen 15.
13 tahun
1968.

"(2) Jika sa-sabuah sharikat perintis telah di-sifatkan sa-bagai telah di-tuboh dan memulakan suatu perniagaan baharu—

(a) tempoh asas (bagi tahun taksiran bagi perniagaan lama itu) yang dalam-nya jatuh hari mula-nya perniagaan baharu itu hendak-lah menjadi, bagi perniagaan baharu itu, tempoh asas bagi tahun taksiran itu; dan

(b) tidak-lah ada apa² tempoh asas bagi perniagaan baharu itu bagi mana² tahun taksiran yang terdahulu daripada tahun yang mula² tersebut itu."

3. Sekshen 29 (1) Act Galakan Pelaboran, 1968 ada-lah dengan ini di-pinda dengan menambah perkataan "(yang lain daripada sharikat perintis)" sa-lepas perkataan "sa-sabuah sharikat" dalam barisan 2.

Pindaan
sekshen 29.

4. Sekshen 34 (5) (b) Act Galakan Pelaboran, 1968 ada-lah dengan ini di-pinda dengan memotong perkataan "sekshen 14 dan 18 (3) dan (4)" dan menggantikan-nya dengan perkataan "sekshen 14, 18 (3) dan (4), 23 dan 27" dalam barisan 1.

Pindaan
sekshen 34.

5. Perenggan 4 (2) (a) dalam Jadual kepada Act Galakan Pelaburan, 1968 ada-lah dengan ini di-pinda dengan memotong perenggan itu dan menggantikan-nya dengan perenggan yang berikut—

“(a) belanja iklan yang di-lakukan dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu bagi iklan² yang di-masokkan dalam akhbar², majallah² perniagaan dan terbitan² yang sa-umpama-nya yang di-terbitkan di-luar Malaysia dan Singapura atau untok di-siarkan melalu radio dan talivishen yang di-kendali di-luar Malaysia dan Singapura.”

HURAIAN

Tujuan Rang Undang² ini ia-lah meminda Act Galakan Pelaburan, 1968 saperti berikut—

Fasal 2: Bagi mengelakkan pertindehan, jika akaun bagi perniagaan baharu di-buat hingga suatu hari yang bersamaan dengan hari akaun perniagaan lama, maka tempoh akaun bagi perniagaan baharu ia-lah tempoh asas yang pertama bagi perniagaan baharu itu.

Fasal 3: Sekshen 29 (1) tidak-lah di-maksud meliputi sa-sabuah sharikat perintis. Oleh yang demikian, sharikat perintis tidak-lah di-masokkan dalam sekshen itu.

Fasal 4: Sekshen 23 dan 27 ada-lah perlu di-masokkan supaya sharikat² perintis yang di-luluskan di-bawah Ordinance Perusahaan Perintis yang telah di-mansokhkan itu akan tetap layak mendapat pengechualian chukai daftargaji dan potongan dua kali berkenaan dengan belanja² untok memajukan eksept.

Fasal 5: Ada-lah di-maksudkan bahawa untok melayakkan mendapat kelepasan, terbitan atau siaran hendak-lah berlaku di-luar Malaysia atau Singapura.

[P.N. 4404/2.]